

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL
(LIBARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2016

Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keberkesanan langkah untuk mengawal inflasi dan mengurangkan kesannya ke atas kos sara hidup golongan berpendapatan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa memantau dan mengambil langkah bagi membendung kenaikan inflasi serta mengurangkan impak terhadap kos hidup golongan berpendapatan rendah. Untuk makluman Ahli-ahli yang berhormat, Inflasi bagi suku pertama 2016 adalah pada kadar 3.4%, disebabkan oleh kesan asas yang rendah (*low-base effect*)

daripada suku pertama tahun 2015 iaitu pada 0.7% serta impak terhadap GST. Sementara itu, inflasi pada suku tahun kedua telah menurun kepada 1.9% kerana kesan GST kepada inflasi telah reda serta harga runcit petrol yang dijangka kekal rendah. Sehingga kini, inflasi bagi sembilan bulan pertama 2016 berada pada kadar terkawal iaitu 2.2%.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kerajaan juga amat prihatin dalam membantu meringankan beban rakyat, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan kumpulan yang mudah terjejas berikutan kenaikan kos sara hidup. Kerajaan akan sentiasa memantau perkembangan harga barang dari semasa ke semasa dan mengambil pelbagai langkah proaktif demi kepentingan rakyat. Ini termasuk:

i. Pengecualian GST bagi barangan dan perkhidmatan.

- Beberapa barang makanan dan perkhidmatan asas dikecualikan daripada GST, sebagai contoh, semua jenis buah-buahan tempatan dan diimport; roti putih dan roti *wholemeal*; serbuk kopi, teh dan koko; mi kuning, kuehtiau, laksa dan bihun; 2900 jernama ubat-ubatan; bahan bacaan seperti buku

rujukan, buku teks, kamus dan kitab agama; serta surat khabar;

- Bermula 1 April 2015, kadar penggunaan elektrik yang dikecualikan daripada GST dinaikkan daripada 200 unit pertama kepada 300 unit pertama; dan
- Penjualan runcit minyak petrol RON95, diesel dan LPG dikecualikan daripada GST

ii. Pengurangan cukai pendapatan dan peningkatan BR1M.

iii. Peningkatan pengeluaran dan penawaran barangan dan perkhidmatan.

iv. Peningkatan penguatkuasaan supaya peniaga mematuhi peraturan dan undang-undang perlindungan pengguna.

Melalui pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (2011) dan Akta Persaingan (2010), peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga sewenang-wenangnya akan dikenakan tindakan mahkamah selain menggalakkan persaingan perniagaan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kerajaan juga telah mengambil beberapa langkah bersepadu seperti diumumkan dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 oleh YAB Perdana Menteri pada 28 Januari 2016. Antaranya:

Pertama: Mengurangkan potongan caruman KWSP pekerja

Kedua: Bagi mengurangkan kos barang keperluan harian rakyat, Kerajaan akan melaksanakan perkara berikut:

- i. Bagi meningkatkan penawaran atau bekalan, FAMA telah membuka pasar belian terus hasil pertanian atau *MyFarm Outlet*. Sebanyak 11 lokasi akan dibuka di pusat bandar seluruh negara pada tahun ini.
- ii. Jumlah Kedai Harga Patut akan ditingkatkan daripada 640 buah, kepada 1000 kedai.
- iii. KPDNKK mempertingkatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas peniaga yang tidak beretika, serta mengambil kesempatan mengaut keuntungan yang berlipat ganda atau *profiteering*.
- iv. Program MyBeras diperkenalkan. Setiap keluarga miskin tegar yang berdaftar akan dibekalkan dengan 20 kilogram beras setiap bulan sehingga Disember 2016.

4. Selain itu, Kerajaan turut mengambil beberapa langkah seperti diumumkan dalam Bajet 2017 oleh YAB Perdana Menteri pada 21

Oktober 2016. Antaranya:

Pertama: Menjana pendapatan Rakyat;

- i. Melalui Program MySuria, bantuan akan diberikan kepada 1,600 rumah di seluruh negara. Setiap peserta program akan menerima RM250 sebulan.
- ii. Program Mobilepreneur untuk 3,000 peserta yang membuka peluang peserta bermotosikal untuk memulakan perniagaan bermotosikal.
- iii. Program Agroprenuer untuk 3,000 usahawan muda berkecimpung dalam pertanian.
- iv. Program eUsahawan dan eRezeki untuk 300,000 peserta memulakan perniagaan.
- v. Menggalak penerima BR1M dalam kalangan B40 menjana pendapatan sebagai pemandu *ride-sharing* seperti Uber. Bagi yang tiada kenderaan, pendahuluan boleh dibayar menggunakan BR1m dan rebate sehingga RM4,000 bagi membeli Proton Iriz.

Kedua: Subsidi dan insentif;

- i. Subsidi harga, subsidi benih dan subsidi baja diberi kepada pesawah padi.
- ii. Pekebun Kecil Getah akan diberikan insentif pengeluaran

getah dan bantuan Musim Tengkujuh.

iii. Elaun sara hidup nelayan.

iv. Subsidi gas memasak dan subsidi bil elektrik.

Ketiga: Meningkatkan bantuan rakyat 1Malaysia (BR1M);

Keempat: Pelepasan Cukai Gaya Hidup;

Kelima: Bantuan Pendidikan Rendah dan Menengah;

i. Bantuan Persekolahan RM100 kepada setiap pelajar dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM3,000.

ii. Bantuan Makanan Asrama.

iii. Meneruskan Rancangan Makanan Tambahan 1Malaysia.

iv. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan, Buku Teks, dan Geran Per Kapita.

v. Menyediakan geran sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPM-1 kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.

vi. Elaun Murid Berkeperluan Khas.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sejar dengan tema Bajet 2017, iaitu Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif dan

Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan akan dapat membantu rakyat dalam menghadapi masalah kenaikan kos sara hidup serta menangani kenaikan inflasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 3.11.2016
DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
SOALAN : NO. 30

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menggubal akta demi membanteras penggunaan kelayakan akademik yang palsu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurniaan sebarang kelayakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan sememangnya melalui proses penilaian yang teliti. Pengurniaan kelayakan oleh Universiti Awam (UA) perlu terlebih dahulu mendapat perakuan Senat yang akan memastikan bahawa pelajar telah tamat pengajian dengan jayanya dan memenuhi syarat-syarat untuk bergraduat bagi sesuatu program pengajian. Pengeluaran skrol ijazah dan diploma serta transkrip rasmi di UA dikawal melalui pemberian nombor pendaftaran yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan dakwat khas dan Cop Mohor UA. Proses ini dikawal ketat melalui sistem jaminan kualiti UA masing-masing.

Bagi Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555) telah menetapkan bahawa tenaga pengajar perlu memohon permit mengajar daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan mengemukakan dokumen kelayakan dan status akademik tenaga pengajar sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 51, Akta 555. Manakala Seksyen 52 akta berkenaan pula menjelaskan tentang kuasa-kuasa Ketua Pendaftar untuk tidak mengeluarkan atau membatalkan permit mengajar sekiranya mendapati kelayakan yang disyaratkan tidak mencukupi atau mengemukakan dokumen palsu dan mengelirukan.

Bagi mana-mana majikan atau orang awam yang ingin mendapatkan pengesahan mana-mana ijazah atau diploma yang dikeluarkan oleh IPT tempatan boleh membuat semakan dengan IPT berkenaan. Sekiranya terdapat keraguan tentang ketulenan ijazah atau diploma berkenaan, aduan boleh dibuat kepada pihak polis sebagai '*false representation*' dan ianya boleh diambil tindakan melalui Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574).